

AL ALLAMAH SYEIKH YUSUF
IBN ISMAIL AL NABHANI



AMALAN MENOLAK
WABAK
&
BALA

عمالک منولک وابک حار بایا

AMALAN MENOLAK **WABAK DAN BALA**



Oleh
AI 'ALLAMAH SYEIKH
YUSUF IBN ISMAIL AL NABHANI رحمه الله

© HAK CIPTA TERPELIHARA

Cetakan Kedua

Rajab 1441 H / Mac 2020

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekali pun, sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.



PERTUBUHAN
TAREKAT MUHAMMADIAH
TARIQAH MUHAMMADIAH ORGANISATION
1437 / 2016

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
PPM-032-05-08032016

DAR MUHAMMADI

No. 19, Jalan Gurney,
54100 Kuala Lumpur

TEL: 03 4266 4189 HP: 019 3058080

FAKS: 03 4266 4187

EMAIL: muhammadiah18@gmail.com

INTISARI

Kandungan	Muka Surat
Muqaddimah	4
Biografi Pengarang	10
Sanad Dan Ijazah	19
Wabak Dan Bala	23
Doa Dan Amalan	
Menolak Wabak Dan Bala	26
Jampi Azimat	
Menolak Wabak Dan Bala	73

MUQADDIMAH

بِسْمِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ:

Buku kecil ini mengandungi beberapa amalan dan doa bagi menolak sebarang wabak dan bala yang saya petik daripada kitab

MUQADDIMAH

Sa'adah al Darain fi al Solah 'ala Sayyid al Kaunain ﷺ karangan seorang ulama' besar dunia Islam, al 'Allamah al Qhadi al Syeikh Yusuf ibn Ismail al Nabhani ﷺ yang wafat pada tahun 1350 Hijrah.

Ini adalah terbitan kedua selepas terbitan pertama pada tahun 2005 sebagai salah satu langkah dan usaha bagi menghadapi wabak dan bencana yang melanda negara kita.

Pada tahun ini, buku ini dikeluarkan sekali lagi lantaran

MUQADDIMAH

kemunculan wabak Corona Virus (COVID-19) yang telah melanda banyak negara. Tidak sahaja sebagai membantu umat Islam menghindari wabak yang sedang menular pada hari ini, tetapi juga bagi wabak dan juga bala bencana yang lain.

Sesungguhnya kita diperintahkan supaya berikhtiar untuk melindungi diri dan juga keluarga kita daripada segala marabahaya. Allah telah berfirman:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا
بِأَيْدِيهِمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ
يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ.

“Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu menjatuhkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan, dan berbuat baiklah, sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.”

Semoga dengan adanya sedikit pedoman daripada amalan-amalan yang pernah dilakukan oleh ulama’

MUQADDIMAH

ini, kita dapat melakukan apa yang sepatutnya demi kelangsungan kehidupan yang sejahtera di dunia dan juga di akhirat.

Sesungguhnya Allah tidak menjadikan sesuatu itu dengan sia-sia. Justeru, dengan hanya kembali kepada Allah Yang Maha Berkuasa dapat menyelesaikan musibah dan permasalahan yang melanda pada hari ini.

MUQADDIMAH

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Disemak semula oleh
Al Faqir ilallah al Mu'in
Muhammad Fuad bin Kamaludin
08 Mac 2020 / 13 Rajab 1441.

١٤٣٨ هـ ٢٩
٢٠١٧ م ٢١
أغسطس

BIOGRAFI PENGARANG

BIOGRAFI PENGARANG

Al 'Allamah Syeikh Yusof ibn Ismail al Nabhani ﷺ ialah Imam Ahli Sunnah wal Jama'ah dan Penghancur Bid'ah pada zamannya.

Beliau dilahirkan pada hari Khamis 1265 Hijrah di kampung Ijzim Palestin.

Beliau menghafaz al Quran daripada ayahandanya, seorang syeikh yang berusia lebih 80 tahun.

BIOGRAFI PENGARANG

Ayahandanya merupakan seorang yang soleh dan mengkhatamkan al Quran tiga hari sekali. Setelah tamat menghafaz al Quran, beliau dihantar oleh ayahandanya ke Mesir untuk menimba ilmu dari dada-dada ulama' besar al Azhar. Ketika itu, beliau berusia 17 tahun dan masuk ke al Azhar secara rasmi pada tahun 1283 Hijrah.

Di Mesir, beliau sibuk menimba ilmu daripada ulama' besar al Azhar. Antaranya ialah:

BIOGRAFI PENGARANG

1. Syeikh Ibrahim al Saqqa al Syafi'i, wafat 1298 Hijrah
2. Syeikh Muhammad al Damanhuri al Syafi'i, wafat 1287 Hijrah
3. Syeikh Ahmad al Ajhuri al Syafi'i, wafat 1293 Hijrah
4. Syeikh Abdul Hadi Naja al Abyari, wafat 1305 Hijrah
5. Syeikh Hasan al 'Idwi, wafat 1298 Hijrah
6. Syeikh Muhammad al 'Asymawi al Syafi'i

BIOGRAFI PENGARANG

7. Syeikh al Azhar Syams al Din al Anbabi al Syafi'i.

Beliau sering bermusafir untuk menuntut dan menyampaikan ilmu di samping menyampaikan dakwah Islamiah. Antara negara yang pernah dilawatinya ialah Bait al Maqdis, Turki, Syria, Iraq, Hijaz terutamanya Makkah al Mukarramah dan Madinah al Munawwarah.

Beliau mengerjakan haji pada tahun 1310 Hijrah, kemudian

BIOGRAFI PENGARANG

memasuki Hijaz dan tinggal seketika di Madinah al Munawwarah.

Disebabkan ketinggian dan keluasan ilmunya, beliau telah dilantik menjadi Qadhi di wilayah Syam sehingga menjadi Ketua Qhadi di Mahkamah Tinggi Beirut pada tahun 1305 Hijrah.

Beliau mempunyai banyak kitab karangan. Antaranya ialah:

1. Wasail al Wusul ila Syamail al Rasul ﷺ

BIOGRAFI PENGARANG

2. Sa'adah al Darain fi al Solah
‘ala Sayyid al Kaunain ﷺ
3. Syawahid al Haq fi al Istighathah bi Sayyid al Khalq

▪

Setelah bersara dari tugasnya, beliau sentiasa mengisi masanya dengan ibadah, zikir, membaca al Quran dan salawat ke atas Rasulullah ﷺ. Waktu siang dan malamnya dihidupkan dengan melakukan ibadah dan ketaatan kepada Allah tanpa jemu dan malas


BIOGRAFI PENGARANG

sehingga kelebihan ini dianggap sebagai salah satu karamahnya.

Setelah bertungkus-lumus berjuang di atas permukaan bumi ini mempertahankan kesucian Islam dan menjulang pegangan Ahli Sunnah Wal Jama'ah serta menghancurkan bid'ah dengan lisan dan tulisan, maka beliau dijemput oleh Allah kepadaNya pada awal Ramadhan 1350 Hijrah. Ketika itu, beliau berusia 85 tahun dan badannya masih tegap dan sihat.

BIOGRAFI PENGARANG

Semoga Allah membalas segala khidmat dan pengorbanan beliau kepada Islam yang suci dan menempatkan beliau di sisi Kekasihnya, Penghulu kita Nabi Muhammad ﷺ.



BIOGRAFI PENGARANG



Syeikh Yusof ibn Ismail al Nabhani ﷺ

18

Masyyakhah Tarekat Ahmadiyah Idrisiah Muhammadiah
Asia Tenggara

SANAD DAN IJAZAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ
عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ:

Alhamdulillah, dengan nikmat
dan anugerah Allah ﷺ, saya
Muhammad Fuad bin Kamaludin,
telah diijazahkan dengan segala

SANAD DAN IJAZAH

ilmu, amalan, karya, sanad dan ijazah kepunyaan Syeikh Yusuf ibn Ismail al Nabhani عليه السلام oleh guru-guru yang saya kasihi.

Antara mereka ialah al Muhaddith Dr. Sayyid Abdul Mun'im ibn Abdul Aziz al Ghumari, al Muhaddith Dr. Syeikh Mahmud Sa'id Mamduh al Syafi'i, dan al Muhaddith Dr. Sayyid Muhammad ibn 'Alawi al Maliki عليه السلام.

Ketiga-tiganya telah meriwayatkannya daripada al

SANAD DAN IJAZAH

Muhaddith Sayyid Abdullah ibn Siddiq al Ghumari رض, al Muhaddith Sayyid Abdul Aziz ibn Siddiq al Ghumari رض dan Musnid Dunia Syeikh Muhammad Yaasin ibn Isa al Fadani رض.

Kesemua mereka telah meriwayatkannya daripada pengarang, al 'Allamah Syeikh Yusuf ibn Ismail al Nabhani رض.

Dengan ini, saya mengijazahkan segala amalan dalam kitab ini

SANAD DAN IJAZAH

kepada Muslimin dan Muslimat
sebagaimana sanad di atas.

Semoga kita dikurniakan taufiq
untuk mengamalkannya dan
memperoleh kesejahteraan di dunia
dan akhirat.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

WABAK DAN BALA

Mutakhir ini, kita menyaksikan semakin banyak wabak yang menular dan bala yang menimpa umat manusia. Tidak selesai dengan malaria, taun dan denggi, datang pula penyakit JE, selesema burung dan yang terkini COVID-19. Begitu juga dengan bala yang diturunkan oleh Allah seperti jerebu, Tsunami, Katrina, gempa bumi dan lain-lain lagi.

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

Semua manusia mahukan dirinya terlepas daripada kemudharatan ini. Pelbagai ubat dan peralatan canggih telah dicipta oleh ahli profesional untuk mengubati dan menghindarinya, namun masalah ini masih belum berakhir. Bahkan, tiada siapapun yang dapat memastikan bahawa dirinya terselamat kerana yang menentukan, berkuasa dan menyembuhkan adalah Allah.

Namun, apa yang pasti, kita diberikan peluang untuk berikhtiar

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

dan berusaha untuk mencegah dan mengubati penyakit kerana setiap penyakit itu pasti ada ubatnya kecuali mati. Hanya kepada Allah tempat meminta pertolongan, keamanan, keafiatan dan kesembuhan.

DOA & AMALAN MENOLAK WABAK & BALA

Wabak dan bala bukanlah masalah baru dalam kehidupan manusia. Ia telah berlaku sejak dulu lagi dan muncul satu persatu hingga ke hari ini. Justeru, kita melihat tidak sedikit cara dan amalan yang telah dilakukan dan diajar oleh ulama' bagi mengubati wabak dan menghindari bala.

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

Dalam buku kecil ini, saya memaparkan beberapa amalan yang telah dilakukan oleh mereka dan didapati mujarab sebagaimana yang dirakamkan dalam kitab **Sa'adah al Darain fi al Solah 'ala Sayyid al Kaunain** ﴿٢﴾ dalam Bab: Faedah Menolak Taun Dan Wabak. Walaupun ada antara wabak atau bala yang ada pada hari ini, tidak ada pada zaman dahulu, amalan ini boleh dilakukan bagi mengatas masalah tersebut kerana tujuannya

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

adalah sama untuk memohon perlindungan, penjagaan dan kesejahteraan daripada Allah ﷺ.

Pembaca boleh mengamalkan mana-mana amalan yang dimuatkan dalam buku ini sama ada yang berbentuk doa atau pun jampi sebagaimana yang disarankan.

١٤٣٨ هـ ٢٩
٢٠١٧ م ٢٢



﴿1﴾

Baca ayat 128 dan 129 dari surah al Taubah sebanyak 7 kali setiap kali selepas solat:

﴿لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ
عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ
بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴾١٢٨ فِإِنْ تَوَلَّوْا
فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ
تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ﴾.

“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari golongan kamu sendiri (Nabi Muhammad ﷺ) yang menjadi sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang ditanggung oleh kamu, yang sangat lobakan (inginkan) kebaikan bagi kamu, (dan) dia pula menumpahkan perasaan belas serta kasih sayangnya kepada orang-orang yang beriman. Kemudian, jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (wahai Muhammad ﷺ):

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memeliharaku), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, kepadaNya aku berserah diri, dan Dialah yang mempunyai ‘Arasy yang besar.”¹

¹ Al Taubah: 128-129.

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

﴿2﴾

Sentiasa membaca doa di bawah:

اللَّهُمَّ ادْخِلِ الْإِسْلَامَ قَلْبِي، وَثَبِّتْنِي بِهِ
وَأَعِنِّي عَلَيْهِ.

“Ya Allah, masukkanlah Islam ke dalam hatiku, tetapkanlah aku dengannya dan bantulah aku untuk berpegang teguh dengannya.”

﴿3﴾

Mengamalkan doa di bawah:

حَيٌّ صَمْدٌ بَاقِي، وَلَهُ كَنْفٌ وَاقِي، دَخَلْتُ
فِي كَنْفِ اللَّهِ، وَأَسْتَجَرْتُ بِسَيِّدِي
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. ﴿عَسَى اللَّهُ أَنْ
يَكُفَّ بَأْسَ الَّذِينَ كَفَرُواً وَاللَّهُ أَشَدُّ
بَأْسًا وَأَشَدُّ تَنْكِيلًا﴾. ﴿فَإِنْ تَوَلُّواْ فَقُلْ

حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ
وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ .

“Tuhan Yang Maha Hidup, Tempat Pergantungan setiap hamba, Yang Maha Kekal, Pemilik perlindungan yang memelihara, aku masuk ke dalam penjagaan Allah dan aku memohon perlindungan dengan kemuliaan Tuanku, Rasulullah ﷺ.

“Mudah-mudahan Allah menahan bahaya serangan orang-orang kafir itu. Dan ingatlah Allah amat besar

kekuatanNya dan amat berat azab seksaNya.”² “Kemudian, jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (wahai Muhammad ﷺ): Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memeliharaku), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, kepadaNya aku berserah diri, dan Dialah yang mempunyai ‘Arasy yang besar.”³

² Al Nisa': 84.

³ Al Taubah: 129.

{4}

Mujarab untuk menolak wabak
dan bala ialah membaca doa qunut:

اللَّهُمَّ أَهْدِنِي فِيمَنْ هَدَيْتَ، وَعَافِنِي
فِيمَنْ عَافَيْتَ، وَتَوَلَّنِي فِيمَنْ تَوَلَّيْتَ،
وَبَارِكْ لِي فِيمَا أَعْطَيْتَ، وَقِنِي شَرَّ مَا
قَضَيْتَ، فَإِنَّكَ تَقْضِي وَلَا يُقْضَى
عَلَيْكَ، وَإِنَّهُ لَا يَذْلِ مَنْ وَالَّيْتَ، وَلَا
يَعِزُّ مَنْ عَادَيْتَ، تَبَارَكْتَ رَبَّنَا

وَتَعَالَيْتَ، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

“Ya Allah, berikanlah aku petunjuk sebagaimana orang-orang yang telah Engkau berikan petunjuk, berikanlah kesihatan kepadaku sebagaimana orang-orang yang telah Engkau berikan kesihatan, peliharalah aku sebagaimana orang-orang yang telah Engkau pelihara, berkatilah aku pada setiap nikmat yang Engkau kurniakan dan

peliharalah aku daripada bahaya yang telah Engkau taqdirkan. Sesungguhnya Engkaulah yang mentaqdirkan dan bukanlah Engkau yang ditaqdirkan. Sesungguhnya tidak akan hina orang yang Engkau pelihara dan tidak akan mulia orang yang Engkau musuhi. Maha Mulia Engkau wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi. Semoga Allah mencucuri rahmat dan kesejahteraan ke atas Junjungan kami Muhammad, keluarga dan sahabat-sahabatnya.”

{5}

Bagi menolak taun (atau sebarang wabak), amalkan ayat-ayat dan zikir-zikir di bawah:

﴿لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ كَاشِفَةً﴾

“Tiada sesiapa pun selain Allah yang dapat menahan atau menghapuskan huru-hara Kiamat.”⁴

﴿سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا﴾

⁴ Al Najm: 58.

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

“Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”⁵

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ، وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

“Aku memohon keampunan daripada Allah Yang Maha Agung. Tiada daya menghindari maksiat dan tiada kekuatan melakukan ketaatan melainkan dengan

⁵ Al Tolaq: 7.

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

**pertolongan Allah yang Maha Tinggi
lagi Maha Agung.”**

فَسَيَّكُفِيْكُهُمْ اللَّهُ وَهُوَ السَّمِيعُ

الْعَلِيمُ

“Allah akan memeliharamu (wahai Muhammad dan juga umatmu) daripada kejahatan mereka; dan Dialah Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.”⁶

⁶ Al Baqarah: 137

﴿فَإِن تَوَلُّوْا فَقُلْ حَسْبِيَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا
هُوَ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَهُوَ رَبُّ الْعَرْشِ
الْعَظِيمِ﴾.

“Kemudian, jika mereka berpaling ingkar, maka katakanlah (wahai Muhammad): Cukuplah bagiku Allah (yang menolong dan memeliharaku), tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, kepadaNya aku berserah diri, dan Dialah yang mempunyai ‘Arasy yang besar.”⁷

⁷ Al Taubah: 129.

{6}

Bersalawat

Diriwayatkan daripada sebahagian ulama' bahawa antara amalan yang paling besar untuk menolak taun dan bala-bala besar ialah dengan bersalawat ke atas Nabi ﷺ. Antara salawatnya ialah:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، صَلَّاةً تَدْفَعُ عَنَّا بِهَا

الْطَّعْنَ وَالْطَّاعُونَ، ﴿إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا
أَرَادَ شَيْئًا أَن يَقُولَ لَهُو كُنْ فَيَكُونُ﴾

“Ya Allah, limpahkanlah rahmat ke atas Penghulu kami Muhammad dan keluarga Penghulu kami Muhammad dengan salawat yang menolak daripada kami bala dan taun.

“Sesungguhnya keadaan kekuasaanNya apabila Dia mengkehendaki adanya sesuatu hanyalah Dia berfirman kepada

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA
(hakikat) benda itu, “Jadilah engkau,” maka ia terus menjadi.”⁸



⁸ Yasiin: 82.

﴿7﴾

Solat dua raka'at pada waktu tengah malam dengan membaca pada setiap raka'at surah Yasiin selepas surah al Fatihah. Kemudian, selepas salam baca sebanyak 1000 kali nama Allah:

﴿يَا حَلِيم﴾

“Wahai Tuhan Yang Maha Penyantun.”

{ 8 }

Amalan yang mujarab untuk menolak wabak dan bala ialah membaca syair di bawah:

لِي خَمْسَةُ أَطْفَيْ بِهِمْ
خَرَّ الْوَبَا وَالْحَاطِمةُ
الْمُضْطَفَى وَالْمُرْتَضَى
وَابْنَاهُمَا وَفَاطِمةُ

“Bagiku lima orang yang dengan kemuliaan mereka, aku memohon

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

kepada Allah agar memadamkan kepanasan wabak dan api neraka Jahannam yang menyala-nyala; laitu, al Mustafa (Nabi Muhammad Yang Terpilih ﷺ), al Murtadha (Sayyiduna Ali yang diredhai ؑ)، kedua-dua puteranya (Hasan ؑ dan Husin ؑ) dan Fatimah ؑ.”

١٤٧٦ مدارس ٢٩
٢٠١٧ غسل

{ 9 }

Membaca doa yang diriwayatkan daripada Imam yang Agung, Abu Hanifah . Beliau berkata:

“Setiap orang yang sentiasa membaca doa ini atau membawa bersamanya dalam keadaan suci atau disimpan di dalam rumahnya, maka Allah akan memeliharanya dan keluarganya daripada penyakit taun dan bala-bala yang lain dengan keberkatannya. Iaitu:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ بِعَدَدِ خَلْقِكَ، بِعِزَّةِ
عَرْشِكَ، بِرِضا نَفْسِكَ، بِنُورِ وَجْهِكَ،
بِمَبْلَغِ عِلْمِكَ، بِغَايَةِ قُدْرَاتِكَ، بِبَسْطِ
رَأْفَتِكَ، بِحَقِّ حَقِيقَةِ شُكْرِكَ، بِمُنْتَهَى
رَحْمَتِكَ، بِإِذْرَاكِ مَشِيتِكَ، بِكُلِّ
صِفَاتِكَ، بِتَمَامِ وَصْفِكَ، بِنِهايَةِ
أَسْمَاءِكَ، بِمَكْنُونِ سِرَّكَ، بِجَمِيلِ
سِرْتِكَ، بِجَزِيلِ فَضْلِكَ، بِكَمَالِ مَنْكَ،

ِفَيْضِ جُودِكَ، ِشَدِيدِ غَضَبِكَ، ِسَابِقِ
رَحْمَتِكَ، ِأَعْدَادِ كَلِمَاتِكَ، ِتَفْرِيدِ
فَرْدَانِيَّتِكَ، ِتَوْحِيدِ وَحْدَانِيَّتِكَ، ِبِقَاءِ
بَقَائِكَ، ِعِزَّةِ رُبُوبِيَّتِكَ، ِعَظَمَةِ
كِبْرِيَّاتِكَ، ِجَاهِكَ، ِجَلَالِكَ،
بَكَمَالِكَ، ِفَعَالِكَ، ِإِنْعَامِكَ،
ِسِيَادَتِكَ، ِمَلْكُوتِيَّتِكَ، ِجَبَارِيَّتِكَ،
ِمَنَانِيَّتِكَ، ِعَطْفِكَ، ِلُطفِكَ، ِرِّكَ،
ِإِحْسَانِكَ، ِحَقَّكَ، ِحَقْقَكَ، أَنْ

تَجْعَلْ لَنَا فَرَجًا وَمَخْرَجًا، وَشِفَاءً مِنَ
الْهُمُومِ وَالْغُمُومِ وَالْوَبَاءِ، وَالْبَلَاءِ،
وَجَمِيعِ الْأَفَاتِ وَالْعَاهَاتِ فِي الدُّنْيَا
وَالْآخِرَةِ، وَبِحَقِّ {كَمِيقَض}، وَبِحَقِّ
(طه) وَ(يَس) وَ(ص)، وَبِحَقِّ (حم)
عَسْقَ)، وَبِحَقِّ (إِنَّا فَتَحْنَا لَكَ فَتْحًا
مُّبِينًا)، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Ya Allah, sesungguhnya aku

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

memohon kepadaMu dengan
sebanyak bilangan sekalian
makhlukMu, kemuliaan 'ArasyMu,
keredhaanMu, cahaya ZatMu,
setinggi-tinggi ilmuMu, sekuat-kuat
kekuasaanMu, keluasan belas
kasihanMu, hakikat kesyukuranMu,
seluas-luas rahmatMu, pencapaian
kehendakMu, setiap sifatMu,
kesempurnaan sifatMu, semulia-
mulia nama-namaMu, simpanan
rahsiaMu, keindahan tutupanMu,
sebesar-besar kurniaanMu,
kesempurnaan anugerahMu,


AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

limpahan kemurahanMu,
kedahsyatan kemurkaanMu,
kedahuluhan rahmatMu (dari
azabMu), bilangan kalimahMu,
keunggulan keesaanMu, keesaan
wahdaniahMu, kekalnya baqa'Mu,
kemuliaan rububiyyahMu,
keagungan kebesaranMu,
kedudukanMu, keagunganMu,
kesempurnaanMu, perbuatanMu,
nikmat-nikmatMu, ketuananMu,
malakutMu, jabarutMu, sifatMu Yang
Maha Mengurniakan, sifat belasMu,
kelembutanMu, kebaikanMu,

ihsanMu, hakMu dan kebenaran hakMu agar Engkau menjadikan bagi kami pelepasan, jalan keluar, penyembuh daripada kesedihan, kemurungan, wabak, bala, semua kerosakan, kebinasaan di dunia dan akhirat, dan dengan hak ‘Kaaf Haa Yaa ‘Ain Sod’, dengan hak ‘Toha’, dengan hak ‘Yasiin’, dengan hak ‘Haa Mim ‘Ain Sin Qaf’ dan dengan hak (makna ayat): “Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuanganmu (wahai Muhammad

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

﴿) satu jalan kemenangan yang jelas nyata⁹, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih dari segala yang mengasihani.”



⁹ Al Fath: 1.



Bertasbih

Daripada Imam Syafi'i

menyatakan bahawa sebaik-baik perkara yang boleh mengubati taun ialah tasbih. Dikatakan, kerana zikir mampu menolak sebarang azab dan kerosakan.

Firman Allah ﷺ:

فَلَوْلَا أَنَّهُ وَكَانَ مِنَ الْمُسَبِّحِينَ ١٤٣

لَلْكِبَرُ فِي بَطْنِهِ إِلَى يَوْمٍ يُبَعَثُونَ

“Maka kalau lahir dia (Nabi Yunus ﷺ) bukan dari orang-orang yang sentiasa mengingati Allah (dengan zikir dan tasbih), tentulah dia akan tinggal di dalam perut ikan itu hingga ke hari manusia dibangkitkan keluar dari kubur.”¹⁰

¹⁰ Al Saaffaat: 143-144.



Membaca surah al Fatihah pada awal pagi setiap hari sebanyak 28 kali.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝ الْحَمْدُ لِلَّهِ
رَبِّ الْعَالَمِينَ ۝ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۝
مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ۝ إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ
نَسْتَعِينُ ۝ أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ ۝

صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ
﴿٦﴾


المَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الظَّالِمِينَ
﴿٧﴾

Dengan nama Allah Yang Maha
Pemurah lagi Maha Penyayang

Segala puji bagi Allah, Tuhan
semesta alam. Maha Pemurah lagi
Maha Penyayang. Yang menguasai
di Hari Pembalasan. Hanya
Engkaulah yang kami sembah, dan
hanya kepada Engkaulah kami
meminta pertolongan. Tunjukilah
kami jalan yang lurus. (laitu) Jalan

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

orang-orang yang telah Engkau beri nikmat kepada mereka; bukan (jalan) mereka yang dimurkai dan bukan (pula jalan) mereka yang sesat.”



AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

• 12 •

Membaca pada waktu pagi
setiap hari sebanyak 1000 kali:

اللَّهُ أَكْبَرُ
لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

“Tiada Tuhan (yang berhak
disembah) melainkan Allah.”

١٤٣٨ هـ ٢٩
٢٠١٧ م ٢١
أغسطس

﴿13﴾

Membaca selepas Subuh 3 kali
dan selepas Maghrib 3 kali doa ini:

﴿كَهِيْعَصَ﴾ كِفَايَتُنَا، ﴿حَمَ﴾ حَمَ. عَسْقَ
حِمَايَتُنَا، ﴿بِسْمِ اللَّهِ﴾ بَأْبُنَا، ﴿تَبَارَكَ﴾
حِيَطَانُنَا، ﴿يَس﴾ سَقْفُنَا، ﴿وَاللَّهُ مِنْ﴾
وَرَآئِهِمْ مُحِيطٌ. بَلْ هُوَ قُرْآنٌ مَجِيدٌ. فِي
لَوْحٍ مَحْفُوظٍ﴾.

﴿كَهِيْعَصَ﴾ adalah pelindung kami

﴿ حَمْ عَسْقَ ﴾ adalah pemelihara kami

﴿ بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ ﴾ adalah pintu kami

﴿ تَبَارَكَ ﴾ adalah pagar kami

﴿ يٰسٌ ﴾ adalah atap kami.

“Sedang Allah dari belakang mereka, melingkungi mereka (dengan kekuasaanNya). (Sebenarnya apa yang engkau sampaikan kepada mereka bukanlah syair atau sihir) bahkan ialah al Quran yang tertinggi kemuliaannya.

(Lagi yang terpelihara dengan sebaik-baiknya) di Luh Mahfuz.”¹¹

Kemudian, baca 3 kali:

جَلَّ رَبِّي وَقَدَرَ، عَزَّ رَبِّي وَقَهَرَ، وَاللهُ
الْمُعِينُ لِمَنْ صَبَرَ، وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ.
اللَّهُمَّ يَا رَافِعَ السَّقَمِ، وَيَا بَارِئَ النَّسَمِ،
وَعَالِمًا بِجَمِيعِ الْآلَمِ، اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ
وَالْوَبَاءَ وَالْأَمْرَاضَ وَمَوْتَ الْفَجَاءَةِ،
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ، وَصَلَّى اللهُ


¹¹ Al Buruj: 20-22

عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ
وَسَلَّمَ.

“Maha Agung dan Berkuasa Tuhanku, Maha Gagah dan Perkasa Tuhanku. Allah sahajalah yang menolong orang yang bersabar dan mengingati Allah itu terlebih besar. Ya Allah, wahai Tuhan yang menyembuhkan penyakit. Wahai Tuhan yang mencipta makhluk yang bernyawa dan mengetahui segala penyakit, hindarilah kami dari segala

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

bala, wabak, penyakit dan kematian secara mengejut, dengan rahmatMu wahai Tuhan yang Maha Pengasih dari segala yang Mengasihani. Semoga Allah melimpahkan rahmat dan kesejahteraan ke atas Penghulu kami Muhammad, keluarga dan sahabat-sahabatnya.”



١٤٣٨ هـ ٢٠١٧ مـ ٢١ جـ

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

• 14 •

Mujarab bagi menolak wabak
dan bala ialah membaca kitab **Sohih**
al Bukhari dan **al Syifa bi Ta'rif**
Huquq al Mustafa ﴿ ﴾ karangan
Qadhi 'Iyadh.

١٤٣٨ هـ ٢٩ ذي القعده
٢٠١٧ م ٢١ أغسطس

15

Amalan yang mujarab apabila seseorang itu ditimpa suatu kesempitan atau kesusahan ialah menggenggam jari tangan kanan, kemudian dibuka dengan kalimah:

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

“Tiada daya dan tiada kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.”

Kemudian, baca doa ini:

69

اللَّهُمَّ لَكَ الْحَمْدُ، وَمِنْكَ الْفَرْجُ، وَإِلَيْكَ
الْمُشْتَكَى، وَبِكَ الْمُسْتَعَانُ، وَلَا حَوْلَ
وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

“Ya Allah, bagiMu sahajalah segala pujian, daripadaMu juga segala pelepasan, kepadaMu tempat mengadu, denganMu tempat memohon pertolongan. Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.”

• ١٦ •

Berwudhu'

Dengan sentiasa berwudhu',
seseorang itu tidak akan dijangkiti
wabak taun (atau penyakit).

17

Bersedekah

Sesiapa yang melazimkan amalan sedekah pagi dan petang, tidak akan ditimpa keburukan pada siang dan malam hari itu.

١٤٣٨ هـ ٢٩ ذو القعده
٢٠١٧ م ٢١ أغسطس



JAMPI AZIMAT MENOLAK WABAK & BALA

Jampi azimat yang terdiri daripada ayat-ayat al Quran, doa, zikir dan nama-nama Allah ini didapati amat mujarab bagi menghindari dan mengubati wabak penyakit serta menolak bala bencana.



Untuk mengelak wabak dan taun, tulis doa ini di atas sehelai kertas, dan kemudian hendaklah dibawa bersama:

اللَّهُمَّ إِنَّ ذُنُوبِي عَظِيمَةٌ وَجَلَّتْ، وَأَنْتَ
يَا سَيِّدِي يَا إِلَهِي أَعْظَمُ وَأَجَلُ. اللَّهُمَّ
أَعِنِّي عَلَى طَاعَتِكَ بِرِضَاكَ، لَا أُرْضِيكَ
حَتَّى تَرْضَى عَنِّي بِحَوْلِكَ وَقُوَّتِكَ يَا

أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. أَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ، وَادْمِ
عَلَيْنَا النِّعَمَ، وَاصْرِفْ عَنَّا الْرِّجْزَ
وَالنِّقَمَ، وَالْعَذَابَ وَالْأَلَامَ، إِنَّكَ أَنْتَ
الْأَعَزُّ الْأَكْرَمُ، آمِينَ يَا أَمِينُ.

¹²“Ya Allah, sesungguhnya dosa-dosaku terlalu banyak dan besar,

¹² Untuk menulis azimat, terjemahan ayat atau kalimah tidak perlu ditulis. Terjemahan yang tertera di bawah setiap ayat atau kalimah hanya sebagai rujukan kepada

namun Engkau wahai Tuanku,
wahai Tuhanku, Maha Agung dan
Maha Besar dari segala-galanya. Ya
Allah, bantulah aku untuk
mentaatiMu dengan keredhaanMu.
Aku tidak mampu meredhai
ketentuanMu hinggaEngkau
terlebih dahulu meredhaiku, dengan
daya dan kekuatanMu, wahai Tuhan
Yang Maha Pengasih dari segala
yang mengasihani. Ya Allah,

pembaca yang ingin memahami makna ayat
yang digunakan.

limpahkanlah rahmat dan keberkatan ke atas Penghulu kami Muhammad, keluarga dan sahabat-sahabatnya,kekalkanlah nikmat-nikmatMu ke atas kami, palingkanlah (jauhkanlah) daripada kami kekotoran (wabak), bala-bala, azab dan kesakitan. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa lagi Maha Pemurah. Perkenankanlah, wahai Tuhan Yang Maha Menjaga (Maha Mengawasi hamba-hambaNya)."

﴿2﴾

Tulis doa ini dan jadikan azimat:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

فَرْدُ حَيٌّ قَيْوُمٌ حَكَمٌ عَدْلٌ قُدُّوسٌ،
أَوْمَنْ كَانَ مَيْتًا فَأَحْيَنَاهُ.

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Maha Esa, Maha Hidup, Maha Berdiri dengan Sendiri, Maha Menghukum, Maha Adil, Maha Suci,

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

“Dan adakah orang yang mati (hatinya dengan kufur), kemudian Kami hidupkan dia semula (dengan hidayah petunjuk).”¹³



¹³ Al An`am: 122.

﴿3﴾

Tulis dan jadikan azimat ayat di bawah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اذْكُرُوْا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ هُمْ قَوْمٌ أَن يَسْطُطُوْا إِلَيْكُمْ أَيْدِيهِمْ فَكَفَّ أَيْدِيهِمْ عَنْكُمْ وَاتَّقُوْا اللَّهَ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُوْنَ﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, kenanglah nikmat Allah (yang telah dikurniakanNya) kepada kamu ketika kaum (kafir yang memusuhi kamu) hendak menghulurkan tangannya (untuk menyerang kamu), lalu Allah menahan tangan mereka daripada (menyerang) kamu. Oleh itu, bertaqwalah kamu kepada Allah dan kepada Allah jualah (sesudah bertaqwa itu) hendaklah orang-orang yang beriman berserah diri.”¹⁴

¹⁴ Al Maidah: 11.

﴿4﴾

Tulis ayat 47 surah Ibrahim ini sebanyak 4 kali dan dibawa bersama serta digantung di dalam rumah:

إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ ذُو أَنْتِقَامٍ

“Sesungguhnya Allah Maha Perkasa, lagi Sedia Membalas (orang-orang yang menderhaka kepadaNya).”

5

Tulis nama Allah di bawah dan diletakkan di atas pintu tempat keluar masuk:

﴿الْبَاقِي أَخْلَاقُ﴾

“Tuhan Yang Maha Kekal lagi Maha Pencipta.”

6

Begitu juga ayat di bawah:

عَسَى اللَّهُ أَنْ يَكُفَّ بَأْسَ الظِّلَّينَ
كَفَرُوا وَاللَّهُ أَشَدُ بَأْسًا وَأَشَدُ تَنْكِيلًا

“Mudah-mudahan Allah menahan
bahaya serangan orang-orang kafir
itu. Dan ingatlah Allah amat besar
kekuatanNya dan amat berat azab
seksaNya.”¹⁵

¹⁵ Al Nisa': 84.

7

Tulis ayat-ayat di bawah di atas
4 helai kertas dan digantung di
empat penjuru rumah:

﴿سَلَامٌ قَوْلًا مِنْ رَبِّ رَحِيمٍ﴾

“Ucapan salam sejahtera daripada
Tuhan Yang Maha Mengasihani.”¹⁶

¹⁶ Yaasiin: 58.

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ طِبُّتُمْ فَادْخُلُوهَا

خَلِدِينَ

“Salam sejahtera kepada kamu,
berbahagialah kamu, maka silalah
masuk ke dalam syurga ini dengan
keadaan tinggal kekal di
dalamnya.”¹⁷

سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ

عُقَبَى الدَّارِ

¹⁷ Al Zumar: 73.

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

“Selamat sejahteralah kamu berpanjangan, disebabkan kesabaran kamu. Maka amatlah baik balasan amal kamu di dunia.”¹⁸

﴿سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ﴾

“Sejahteralah (malam yang berkat) itu hingga fajar.”¹⁹

١٤٣٦هـ ٢٩ ذي القعده
٢٠١٧ ميلادي

¹⁸ Al Ra`d: 24.

¹⁹ Al Qadr: 5.

8

Tulis dan gantung di pintu rumah
nama-nama Allah di bawah:

﴿بَاقِي، خَلَّاقُ، الْبَاقِي، أَخْلَاقُ، يَا بَاقِي،
يَا خَلَّاقُ، يَا مُؤْمِنُ، يَا سَلَامُ، يَا حَافِظُ،
يَا حَفِيظُ، يَا حَيُّ، يَا قَيُومُ، يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ﴾.

“Tuhan Yang Maha Kekal, Tuhan
Yang Maha Pencipta, Tuhan Yang

Maha Kekal, Tuhan Yang Maha Pencipta, wahai Tuhan Yang Maha Kekal, wahai Tuhan Yang Maha Pencipta, wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Keamanan, wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Kesejahteraan, wahai Tuhan Yang Maha Penjaga, wahai Tuhan Yang Maha Memelihara, wahai Tuhan Yang Maha Hidup, wahai Tuhan Yang Maha Berdiri dengan Sendiri, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih dari segala yang mengasihani!"

9

Tulis nama-nama Allah ini dan dijadikan sebagai azimat untuk menolak wabak:

﴿اللَّهُ لَطِيفٌ حَفِيظٌ قَدِيمٌ أَزَلِيٌّ قَيُومٌ لَا يَنَامُ﴾.

**“Allah, Tuhan Yang Maha Lembut,
Maha Pemelihara, Maha Qadim,
Maha Azali, Maha Berdiri dengan
Sendiri, lagi tidak pernah tidur.”**



Tulis ayat di bawah dan digantung di dalam rumah:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِيهِ وَسَلَّمَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ
مِنَ الظَّالِمِينَ.

“Semoga Allah melimpahkan rahmat dan kesejahteraan ke atas

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA


Junjungan kami Muhammad,
keluarga dan sahabat-sahabatnya.
“Maha Suci Engkau (daripada
melakukan aniaya, tolonglah daku)!
Sesungguhnya aku dari kalangan
orang-orang yang menganiaya diri
sendiri.”²⁰

²⁰ Al Anbiya': 87.

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA



Ditulis pada bekas yang suci
sebanyak 62 kali nama Allah:



الْحَمْدُ لِلّٰهِ

Kemudian, didirus dengan air
dan diberi minum airnya kepada
orang yang ditimpa wabak.

12

Dibaca ayat di bawah pada air yang suci di dalam bekas yang baru dan suci sebanyak 3 kali. Setiap kali selepas membacanya dihembus pada air tersebut. Kemudian, diberi minum orang yang takut atau ditimpa penyakit tersebut.

بِسْمِ اللَّهِ ذِي الْكَلْمَانِ، الْعَظِيمِ الْبُرْهَانِ،
الشَّرِيفِ السُّلْطَانِ، كُلَّ يَوْمٍ هُوَ فِي

شَاءِنَّ، مَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ، وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ
يَكُنْ، لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ
الْعَظِيمِ. اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الطَّعْنِ
وَالطَّاعُونِ، وَهُجُومِ الْوَبَائِ، وَمَوْتِ
الْفَجَاءَةِ، وَمِنْ مَعَرَّةِ الْحَمَىِ، وَمِنْ سُوءِ
الْقَضَاءِ، وَدَرْكِ الشَّقَاءِ، وَشَمَاتَةِ
الْأَعْدَاءِ، إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْءَانِ مَا هُوَ شِفَاءٌ

وَرَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ²¹، وَصَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَيْهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

“Dengan nama Allah yang mempunyai kedudukan, yang agung dalilNya, yang tinggi kekuasaanNya. “Tiap-tiap masa Dia dalam urusan (mencipta dan mentadbirkan makhlukNya.”²² Apa sahaja yang Allah kehendak pasti akan berlaku dan apa sahaja yang Allah tidak

²¹ Al Isra’: 82

²² Al Rahman: 29.

kehendaki tidak akan berlaku. Tiada daya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung. Ya Allah, aku berlindung denganMu daripada kekejian, penyakit taun, serangan wabak, kematian secara mengejut, kesakitan demam panas, keburukan qadha'Mu, kecelakaan dan cacian musuh. Sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas segala sesuatu. "Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari al Quran ayat-ayat suci yang menjadi

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadaNya.”

Semoga Allah melimpahkan rahmat dan kesejahteraan ke atas Penghulu kami Muhammad, keluarga dan sahabat-sahabatnya.”

13

Amat mujarab. Tulislah ayat di bawah di dalam sebuah bekas, kemudian dipadam dengan disiram air, lalu diminum:

﴿وَقِيلَ يَأْرُضُ أَبْلَعِي مَاءَكِ وَيَسْمَاءُ
أَقْلِعِي وَغِيَضَ الْمَاءُ وَقُضِيَ الْأَمْرُ
وَأَسْتَوَتْ عَلَى الْجُودِيٍّ وَقِيلَ بُعْدًا لِلنَّقْوُمِ﴾

الظَّالِمِينَ

“Dan (setelah binasanya kaum kafir itu) diperintahkan kepada bumi dan langit dengan berkata, “Wahai bumi! Telanlah airmu, dan wahai langit! Berhentilah dari curahan hujanmu.” Dan (ketika itu) surutlah air, serta terlaksanalah perintah (Allah) itu. Dan bahtera Nabi Nuh itupun berhenti di atas gunung Judi²³ serta diingatkan (kepada kaum kafir

²³ Gunung Judi menurut setengah ahli Tafsir ialah Gunung Ararat yang terletak di antara negara Iraq dan Turki.

AMALAN MENOLAK WABAK DAN BALA

umumnya bahawa): “Kebinasaanlah akhirnya bagi orang-orang yang zalim.”²⁴



²⁴ Hud: 44.

NOTA



102